

Pembangunan Modul Mudahnya Menulis Untuk Meningkatkan Kemahiran Mengguna Maklumat Secara Beretika Dalam Kalangan Pelajar Politeknik

Dzatiah Mohamad, Aidah Abdul Karim and Amizan Abdullah

ABSTRAK- Keupayaan untuk memproses dan menggunakan data dengan cara yang beretika adalah penting untuk penulisan akademik yang berkesan. Ini untuk mengelakkan pelajar menulis secara plagiat. Pelajar universiti mesti mempunyai kemahiran menggunakan maklumat secara beretika. Walau bagaimanapun, mereka menghadapi kesukaran menggunakan maklumat, terutamanya apabila mereka menulis karangan ilmiah. Ini disebabkan oleh kekurangan modul yang menumpukan pada penstrukturan perkataan yang akan menjadi ayat baru (prafrasa), serta kemahiran menulis sitasi dan rujukan menggunakan gaya APA. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mencipta dan melaksanakan modul dalam talian yang akan membantu pelajar Politeknik meningkatkan kemahiran penggunaan maklumat yang beretika semasa menulis akademik. Untuk membangunkan modul ini, pendekatan kajian reka bentuk dan pembangunan digunakan. Penyelidik akan mengkaji penggunaan modul Mudahnya menulis untuk menghasilkan penulisan beretika, jadi mereka menggunakan DDR jenis pertama, penyelidikan produk dan alat. Pilihan reka bentuk ini adalah munasabah kerana ia melibatkan semua fasa pembinaan modul, termasuk reka bentuk dan pembangunan. Ini termasuk peringkat analisis, peringkat reka bentuk dan pembangunan, peringkat pelaksanaan dan peringkat penilaian modul yang didokumentasikan. Pelajar mendapati bahawa penggunaan modul Mudahnya menulis dan bimbingan berterusan daripada guru dalam penulisan ilmiah membantu mereka menulis dengan cara yang beretika. Disarankan agar keputusan kajian dimasukkan dalam pentaksiran formatif yang boleh dijalankan ke atas pelajar.

Kata Kunci: Plagiat, Teori Konstruktivisme Sosial; Pembelajaran Berasaskan Projek; Design and Development Research; Kemahiran mengguna maklumat beretika.

I. PENGENALAN

Literasi Maklumat adalah kebolehan untuk mencari dan mendapatkan maklumat mengikut format yang tertentu serta ia dianggap boleh digunakan secara meluas. Menurut Forster (2018) literasi maklumat penting untuk mencipta pengetahuan yang baru dalam pembelajaran dan inovasi. Ini termasuk keupayaan untuk memproses maklumat dan menggunakan maklumat secara beretika agar hasil penulisan lebih berkualiti. Keseimbangan di antara ilmu dan akhlak sangat diperlukan dalam sistem pendidikan negara. Di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) (2013-2025) iaitu menghasilkan graduan TVET

Dzatiah Mohamad, Politeknik Mukah (dzatiah@pmu.edu.my)
Aidah Abdul Karim, Universiti Kebangsaan Malaysia (eda@ukm.edu.my)
Amizan Abdullah, Politeknik Mukah (amizan@pmu.edu.my)

berkualiti yang menekankan elemen kebolehpasaran graduan di peringkat global yang diperolehi dalam lonjakan nombor empat.

Walaupun pelajar pengajian tinggi perlu mempunyai kemahiran menggunakan maklumat secara beretika, mereka sebenarnya menghadapi cabaran untuk menggunakan maklumat secara beretika terutama ketika menghasilkan penulisan ilmiah. Menurut Fatimah (2019) menyatakan bahawa pelajar mempunyai masalah dalam mengembangkan idea, kosa kata, tatabahasa dan ungkapan bahasa. Kajian yang dibuat oleh (Ali. & Othman, 2018; Mahamod & Ismail, 2016) menyatakan bahawa permasalahan pelajar adalah kekurangan kosa kata dan terpengaruh dengan bahasa ibunda menyebabkan sukar untuk mengembangkan idea dalam penulisan. Para pelajar didapati masih memerlukan kemahiran dan pentaksiran secara berterusan untuk mensintesis bahan-bahan bacaan agar boleh dijadikan penulisan akademik (Che Noh et al., 2018).


Penulisan secara plagiat akan mengundang kepada gejala negatif dalam kalangan pelajar jika tidak dibendung dan boleh dikategorikan sebagai jenayah penulisan (Kaur et al., 2018). Walaupun pelajar telah didedahkan dengan isu plagiat namun mereka masih juga terdedah untuk melakukan penipuan di dalam penulisan. Kenyataan ini disokong oleh Pascal Iloh et al. (2018) mengenai salah laku ilmiah di peringkat global seperti plagiat boleh mengancam integriti, penyelidikan dan bidang profesional. Ia boleh mencabar kredibiliti pegawai, kebolegunaan graduan dan kebolehpercayaan di dalam mana-mana aspek pekerjaan.

Penyelidik telah menghasilkan banyak modul yang berkaitan dengan plagiat. Walau bagaimanapun, masih kurang modul yang menumpukan pada penstrukturan ayat, iaitu penstrukturan perkataan yang akan menjadi ayat baru (prafrasa), dan kemahiran menulis sitasi dan rujukan menggunakan gaya APA. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mencipta dan melaksanakan modul dalam talian yang akan membantu pelajar Politeknik meningkatkan kemahiran penggunaan maklumat yang beretika semasa menulis akademik.

Model ADDIE

Secara khususnya, Model ADDIE seperti yang terdapat dalam Rajah 1 telah digunakan oleh Stapa & Mohammad, (2019) telah dipilih oleh penyelidik untuk memfokuskan rekabentuk penulisan akademik. Ia diasaskan oleh Rosset (1987) dan terbukti berkesan dalam membangunkan modul pengajaran yang menarik. Ia juga menjadi asas kepada pembentukan model pengajaran yang lain. Model ini adalah pendekatan yang membantu pereka

instruksional, pembangunan kandungan untuk membuat reka bentuk dalam proses pengajaran yang berkesan dengan menerapkan proses dalam model ADDIE dalam menghasilkan produk berbentuk instruksional. Proses sistematik ini ditunjukkan dalam akronim ADDIE dalam proses membuat reka bentuk instruksional, iaitu Analysis (Analisis), Design (Reka Bentuk), Development (Pembangunan), Implementation (Pelaksanaan), dan Evaluation (Penilaian).



Rajah 1: Proses Reka Bentuk Menurut Model Addie (Stapa & Mohammad, 2019)

Kemahiran Mengguna Maklumat

Pada abad ke 21, kemahiran mengguna maklumat secara beretika semakin dititikberatkan. Ini kerana pelajar mudah untuk mendapatkan maklumat melalui pelbagai saluran seperti media sosial, media cetak dan sebagainya. Sehingga kini, kajian berkaitan dengan kemahiran mengguna maklumat banyak dijalankan mengikut piawai-piawai masing-masing. Kajian yang telah dibuat oleh Al-Thwaib et al., (2020) terhadap pelajar University of Amman, Jordan menyatakan bahawa membuat penulisan bukan perkara yang mudah kerana memerlukan kejelasan idea, memfokuskan idea, meringkaskan idea yang panjang dan pembuktian yang kukuh juga perlu diadakan. Selain itu, kajian yang dibuat oleh Mohd Zain et al. (2021) di Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Sains Malaysia dan Univesiti Teknologi MARA menunjukkan tidak terdapat undang-undang khusus terhadap salah laku plagiat dalam institusi pengajian di Malaysia. Oleh itu, penyelidik menjalankan kajian bersama dengan institusi Suruhanjaya Geran Universiti (UGC) di India yang menjadi penanda aras di dalam kajian tersebut. Penyelidik mengharapkan undang-undang berkaitan salah laku dalam penulisan akademik dapat di wujudkan di Malaysia terutama dalam pendidikan tinggi.

Terdapat beberapa kajian lepas berkaitan dengan program intervensi atau aktiviti yang menekankan gaya penulisan akademik yang betul untuk mengelakkan plagiat dan mempromosikan penulisan beretika dalam kalangan pelajar. Ulasan sistematik yang dijalankan oleh Miranda-Rodriguez et al. (2024) berkenaan dengan kajian keberkesanan program intervensi dalam mengurangkan plagiat dalam kalangan pelajar universiti. Kajian ini mendapati bahawa intervensi yang mempunyai elemen praktikal seperti kemahiran parafrasa, pengenalan kepada alat pengesan plagiat, dan kemahiran sitasi berpotensi untuk mengurangkan kejadian plagiat. Kesimpulan kajian ini menyarankan lebih banyak kajian dengan penilaian objektif dilakukan bagi program-program sebegini.

Teori Konstruktivisme Sosial

Teori Konstruktivisme sosial mula diperkenalkan oleh Lev Vygotsky pada tahun 1968. Lev Vygotsky (1978) menyatakan bahawa teori pembelajaran konstruktivisme sosial berlaku terhadap perkembangan kanak-kanak secara sistematik, logikal dan rasional dengan bantuan orang lain menggunakan konteks sosial dalam pembelajaran. Konstruktivisme sosial adalah bentuk pembelajaran kolaboratif berdasarkan interaksi, perbincangan dan perkongsian pengetahuan dalam kalangan pelajar (Akpan et al., 2020). Selain itu, teori ini sangat menggalakkan pembelajaran secara kolaborasi dan memerlukan kemahiran individu dalam kumpulan (Jin et al., 2020). Oleh yang demikian, penyelidik berpendapat bahawa teori ini sangat berkesan dilaksanakan terhadap pelajar terutamanya dalam pembelajaran berasaskan projek penulisan.

II. STRATEGI PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK

Strategi pembelajaran bergantung aktiviti pembelajaran yang akan dilaksanakan di dalam bilik darjah bersama. Ini melibatkan proses pemerolehan, pemahaman serta penukaran maklumat dalam bahan pembelajaran dan menjadi ilmu pengetahuan dan kemahiran yang baru. Oleh yang demikian, kajian ini akan menggunakan strategi pembelajaran berasaskan projek. Menurut (Choi et al., 2019) menerangkan tentang beberapa kelebihan pembelajaran berasaskan projek. Di antaranya ialah pelajar berpeluang menjelaskan persoalan utama projek, mudah untuk mengumpul fakta dan menjalankan peranan yang berbeza sesama ahli dalam kumpulan. Di samping itu, pelajar-pelajar boleh juga memperolehi pengetahuan dan kemahiran jangka panjang dengan mengemukakan masalah serta cabaran yang dihadapi sama ada masalah senang atau kompleks (Jin et al., 2020). Strategi ini berkait rapat dengan teori konstruktivisme sosial yang melibatkan aktiviti kolaborasi di antara ahli kumpulan agar dapat mencungkil kemahiran pelajar dalam menghasilkan penulisan berbentuk kreatif dan inovatif.

Metodologi

Kajian Rekabentuk dan Pembangunan yang lebih dikenali sebagai Design and Development Research (DDR) telah dipilih oleh pengkaji. Kajian yang menggunakan reka bentuk ini adalah kajian yang sistematik untuk membina produk, peralatan, model baru atau pengubahsuaian yang mendorong kepada pembangunan sesuatu (Richey et al., 2004). Kaedah ini mempunyai dua jenis seperti dalam Jadual 1.

Seramai tiga puluh (30) orang pelajar mengambil kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dari program Pengajian Perniagaan telah terlibat di dalam kajian ini. Pelajar ini dipilih berdasarkan kepada cadangan daripada Ketua Kursus Pendidikan Islam memandangkan terdapat satu pentaksiran yang melibatkan pelajar membuat penulisan akademik. Selain itu, dua orang pensyarah yang

mempunyai kepakaran di dalam bidang penulisan dan telah lama berkhidmat sebagai pensyarah politeknik telah dilantik sebagai penilai kepada teori dan strategi dalam pengajaran serta kandungan modul yang dibina. Ujian pra dan pasca juga telah digunakan bagi mengenalpasti tahap kesedaran pelajar tentang plagiat.

Jadual di bawah menunjukkan rumusan reka bentuk kajian mengikut persoalan kajian bagi setiap fasa.

JADUAL I: INSTRUMEN KAJIAN

FASA KAJIAN	INSTRUMEN	PESERTA KAJIAN
ANALISIS	Analisis dokumen, pemerhatian, temu bual bersama lima orang pelajar	10 orang pelajar politeknik
REKABENTUK DAN PEMBANGUNAN	Temubual Pakar	Dua orang penilai (Pensyarah Pakar)
PERLAKSANAAN	Bengkel Plagiarisme dalam talian	30 orang pelajar politeknik yang terpilih, Ketua kursus di Politeknik Mukah Sarawak
PENILAIAN	Analisis dokumen, temu bual pelajar, pemerhatian semasa kuliah	30 orang pelajar politeknik

Fasa Analisis Keperluan

Fasa awal pembangunan modul "Mudahnya Menulis" melibatkan pelaksanaan analisis keperluan kajian (study needs analysis) ke atas pelajar. Tujuan fasa ini adalah untuk mengumpul data empirikal yang akan digunakan sebagai asas dalam fasa pembangunan modul seterusnya. Seramai 10 orang pelajar dari Program Pengajian Perniagaan di Politeknik yang mendaftar dalam kursus Penghayatan Etika dan Peradaban telah dipilih sebagai responden kajian.

Dalam fasa analisis ini, instrumen kajian utama yang digunakan ialah analisis tugas penulisan pelajar yang lepas. Dapatan analisis mendedahkan bahawa pelajar menghadapi kesukaran dalam mengaplikasikan kaedah dan strategi parafrasa yang betul, serta menunjukkan isu ketidakpatuhan terhadap gaya rujukan dan penggunaan sumber maklumat yang ditetapkan. Selain itu, pemerhatian penyelidik menunjukkan bahawa pelajar masih terdedah kepada kaedah pengajaran konvensional, di mana pensyarah menganggap pelajar mempunyai keupayaan penulisan akademik. Walau bagaimanapun, realitinya pelajar masih memerlukan bimbingan yang sistematik dalam pencarian dan penggunaan sumber maklumat yang beretika. Untuk mengukur tahap kesedaran pelajar mengenai isu plagiat dalam penulisan, temu bual bersama lima orang pelajar turut dijalankan.

Fasa Rekabentuk Dan Pembangunan Modul

Fasa kedua pula ialah fasa rekabentuk dan pembangunan modul. Fasa ini telah membantu penyelidik untuk merancang dan membina modul Mudahnya menulis secara dalam talian. Modul ini telah membantu pelajar menghasilkan penulisan ilmiah secara beretika. Modul ini dibangunkan dengan menggunakan teori konstruktivisme sosial, strategi pembelajaran berasaskan projek serta

standard literasi maklumat mengikut Information Literacy Standards for Teacher Education EBSS Instruction for Educators Committee 2006-2007 – 2010-2011. Semua ciri-ciri dan piawaian literasi maklumat telah disemak dan disahkan oleh pakar. Data ini penting bagi memastikan semua elemen dimasukkan ke dalam modul dan menepati objektif pembinaannya iaitu bagi memastikan pelajar politeknik dapat menghasilkan penulisan akademik secara beretika. Dua orang pakar iaitu pensyarah kanan yang banyak terlibat dengan bidang penulisan telah menilai modul tersebut.

Kandungan modul yang dibangunkan juga merangkumi aspek penstrukturan ayat, khususnya kemahiran parafrasa (penstrukturan semula perkataan untuk membentuk ayat baharu). Hal ini timbul kerana pelajar didapati kurang mahir dalam mengembangkan idea, terhad dalam memanipulasikan perkataan menjadi ayat yang gramatis, dan lemah dalam aspek gaya bahasa serta susunan ayat. Tambahan pula, pelajar didapati tidak menulis sitasi dan rujukan mengikut gaya yang betul. Oleh itu, atas persetujuan pakar, semua elemen kemahiran penulisan dan rujukan ini telah diintegrasikan ke dalam modul "Mudahnya Menulis".

Fasa Pelaksanaan

Fasa seterusnya ialah Fasa Pelaksanaan yang bertujuan untuk menjalankan Bengkel Plagiat secara dalam talian bagi meningkatkan kemahiran pelajar dalam menggunakan maklumat secara beretika. Modul "Mudahnya Menulis" telah digunakan sebagai bahan utama dalam bengkel ini. Seramai tiga puluh orang pelajar dari Program Pengajian Perniagaan di Politeknik Sarawak yang mendaftar kursus Penghayatan Etika dan Peradaban telah terlibat. Bengkel ini telah dirancang untuk dilaksanakan selama lima jam dan distrukturkan kepada tiga peringkat utama: permulaan, pertengahan, dan penutup.

Fasa Penilaian

Fasa penilaian ini dijalankan dengan tujuan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang peningkatan dalam kemahiran pelajar menggunakan maklumat secara beretika dalam penulisan ilmiah mereka. Instrumen yang digunakan adalah ujian pra dan pasca, yang berfungsi untuk mengukur tahap kesedaran pelajar terhadap kemahiran penggunaan maklumat secara beretika.

III. DAPATAN KAJIAN

Fasa Analisis Keperluan

Fasa analisis keperluan kajian ini telah melibatkan sepuluh orang pelajar politeknik dari Jabatan Perdagangan. Lima orang pelajar politeknik yang terlibat dalam kajian analisis keperluan didapati masih lemah dalam menghasilkan penulisan akademik secara beretika. Ini dapat dikenalpasti melalui tugas lepas yang ditunjukkan oleh pelajar kepada penyelidik. Pelajar masih lemah dalam membuat petikan dari artikel atau sumber

yang diperolehi yang mana mereka masih menggunakan kaedah salin dan tampal dari teks asal tanpa menyatakan siapa penulis asal artikel tersebut. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 2 dan 3, pelajar tidak membuat prafrasa.

Kuliah-kuliah di masjid juga mestilah ditingkatkan ke tahap yang sesuai dengan perkembangan masyarakat kita. Fekah yang payah dan menyusah hendaklah dihindari. Jadikanlah Islam itu mudah dan praktikal. Bersesuaian dengan nas-nas Islam yang bersifat demikian. Malangnya dalam masa yang sama tandas atau bilik air masjid dipenuhi dengan bau dan kekotoran yang tidak melambangkan kebersihan dalam Islam. Islam bukan sahaja menyuruh kita bersih ketika dalam solat, namun juga di luar solat. Demikian juga isi pengajaran hendaklah dalam bentuk yang menarik generasi baru. Saingan luar masjid yang menarik manusia moden terlalu. Pusat-pusat hiburan yang lain menggamit generasi muda. Kempen-kempen ke masjid mestilah segar dan baru. Untuk itu, kita perlukan pihak pengurusan yang segar dan mampu membawa manusia ke masjid. Jika yang sedia ada tidak mampu maka, mereka perlu membina peningkatan diri, atau 'menarik diri'. Pihak yang kerajaan amanahkan untuk memantau dan membina kekuatan masjid juga mesti segar megar. Jika tidak mampu, mungkin mereka kenalah segera tukar. Jika tidak, ia secara tidak langsung menghalang orang datang ke masjid.

Rajah 2: Contoh Penulisan Lepas Yang Tidak Dibuat Prafrasa Dan Sitasi Di Dalam Penulisan

Ketahuiilah, untuk membina dan mengekalkan hubungan yang baik dengan jiran tetangga itu bukanlah satu perkara yang sukar kerana apa yang penting ialah kita hendaklah sentiasa mengamalkan budi pekerti yang mulia dan sentiasa berbaik sangka dalam semua hal atau keadaan, jika semua ini dapat mencapai nikmat kehidupan yang harmoni, aman damai, bahagia dan bersatu-padu. Oleh itu, marilah kita sama-sama berusaha membina kehidupan berjiran mengikut apa yang diajarkan oleh agama Islam.

CATATAN:
Penulisan tidak mengikut format yang telah digariskan
Isi tidak dihuraikan dengan lengkap
Tiada Sumber rujukan dinyatakan

Rajah 3: Contoh Penulisan Lepas Yang Tidak Dibuat Prafrasa Dan Sitasi Di Dalam Penulisan

Di samping itu, analisis terhadap penulisan pelajar yang terlibat dalam kajian analisis keperluan mendapati bahawa tiga (3) orang pelajar gagal menyediakan senarai rujukan pada akhir penulisan mereka. Walau bagaimanapun, dua (2) orang pelajar lain dalam kumpulan ini pula menyediakan senarai rujukan, namun didapati mereka tidak mematuhi gaya penulisan rujukan yang ditetapkan, contohnya kegagalan mengaplikasikan gaya APA yang betul. Ini dengan jelas menunjukkan bahawa pelajar yang dipilih masih kurang mahir dalam penulisan sitasi dan rujukan akademik, seperti yang dapat dilihat dalam Rajah 4.

Rujukan

'Ali Mahfūz. Hidāyah al-Mursyidīn. Qaherah: Maktabah Usmānīyah, 1958.

Ahmad Zaki Haji Abd. Latif. Pentadbiran Masjid Secara Profesional. Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari, 2007.

Abdul Halim Mat Diah. Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi. Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1987.

Bahasa dan Pustaka, 1991. Ab. Aziz Mohd. Zin. Pengantar Dakwah Islamiah. Kuala Lumpur: Universiti

Malaya, Cet. ke3, 2003. Abdul Halim Haji Hasan. Komunikasi Dalam Pengurusan Pendidikan. Kuala

Rajah 4: Contoh penulisan rujukan dalam penulisan lepas

Fasa Rekabentuk Dan Pembangunan

Bagi fasa reka bentuk dan pembangunan, draf isi kandungan modul Mudahnya menulis telah dihasilkan yang mana kandungannya mengikut elemen-elemen berdasarkan Teori Konstruktivisme Sosial, strategi pembelajaran berasaskan projek dan piawaian literasi maklumat. Jadual di bawah merupakan pandangan pakar terhadap penerapan teori, strategi dan piawaian yang ditetapkan.

JADUAL II: TEORI DAN STRATEGI PEMBELAJARAN SERTA PIAWAIAN KEMAHIRAN MAKLUMAT YANG DISAHKAN PAKAR

Pernyataan	Pakar		Peratus
	P1	P2	
Teori pembelajaran konstruktivisme sosial	/	/	100%
Strategi pembelajaran berasaskan projek	/	/	100%
Piawaian kemahiran mengguna maklumat	/	/	100%
/: setuju X: Tidak setuju			

Hasil dapatan Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan telah menjawab persoalan kajian mengenai bagaimanakah mereka bentuk dan membina modul dalam talian Mudahnya menulis secara beretika yang mengaplikasikan teori pembelajaran Konstruktivisme sosial dan strategi pembelajaran berasaskan projek.

Fasa Pelaksanaan

Bagi melaksanakan modul dalam talian Mudahnya menulis secara beretika yang mengaplikasikan teori pembelajaran Konstruktivisme sosial, strategi pembelajaran berasaskan projek, Bengkel Plagiarisme telah dijalankan. Pelaksanaan Bengkel Plagiarism telah dilaksanakan bersama tiga puluh orang pelajar Politeknik Sarawak menggunakan modul Mudahnya menulis. Bengkel ini telah dilaksanakan melalui tiga peringkat iaitu

fasa awal, pertengahan dan akhir. Di dalam bengkel pelajar telah didedahkan dengan kaedah membuat prafrasa ayat, membuat sitasi dan menulis rujukan mengikut gaya APA. Beberapa aktiviti telah dijalankan semasa bengkel tersebut. Kaedah pelaksanaannya adalah seperti yang terdapat di dalam Rajah 6, 7, 8 dan 9 di bawah.

Fasa	Penerangan	Aktiviti
Permulaan	Meminta pelajar menerangkan secara ringkas kefahaman mereka tentang plagiat dalam penulisan akademik	1. Ingat kembali 2. Pemerhatian 3. Perbincangan
	Penyelidik menerangkan tentang plagiat dan ciri-ciri plagiat	
	Penyelidik menerangkan tentang objektif bengkel	
	Mentaksir pengalaman sedia ada pelajar berkenaan dengan penulisan lepas yang telah dijalankan	

Rajah 6: Fasa Permulaan Bengkel

Pertengahan	Penerangan tentang prafrasa	1. Penerangan 2. Perbincangan 3. Sumbangsan
	Penerangan tentang piawaian penggunaan maklumat secara beretika dan bagaimana membuat prafrasa	
	Penerangan tentang sitasi	4. Penerangan 5. Perbincangan 6. Sumbangsan
	Penerangan tentang penulisan rujukan mengikut gaya APA	7. Tunjukcara penulisan rujukan menggunakan Tab Reference dalam Microsoft Word

Rajah 7: Fasa Pertengahan Bengkel

Akhir	Penutup	
	Meminta setiap pelajar mencuba membuat sitasi petikan yang ditunjukkan oleh penyelidik	8. Aktiviti membuat prafrasa secara individu 9. Aktiviti membuat penulisan rujukan
	Meminta pelajar mencuba membuat rujukan menggunakan Tab Reference dalam Microsoft Word	10. Pelajar membuat pentaksiran kerja kursus berkaitan dengan penulisan akademik secara dalam kumpulan
	Pelajar diminta membuat pentaksiran kerja kursus berkaitan penulisan akademik selama 6 minggu secara berkumpulan	

Rajah 8: Fasa Akhir Bengkel



Rajah 9: Penerangan Kaedah Membuat Prafrasa Di Dalam Bengkel Plagiarisme

IV. PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis yang dijalankan, penyelidik mendapati bahawa majoriti pelajar masih kurang pengetahuan tentang definisi plagiat, ciri-ciri, dan bentuk-bentuk penulisan yang dianggap plagiat. Analisis ke atas tugas lepas pelajar memperlihatkan beberapa kelemahan penulisan yang ketara, seperti kegagalan melakukan sitasi, ketiadaan senarai rujukan, penulisan rujukan yang tidak mengikut format betul, dan kelemahan dalam kemahiran parafrasa. Kajian-kajian lain turut menyokong penemuan ini dengan menggariskan bahawa pelajar cenderung melakukan plagiat, sama ada secara sengaja atau tidak, disebabkan oleh beberapa faktor utama. Antaranya ialah kurangnya kesedaran mengenai peraturan akademik seperti tiada latihan mencukupi dalam kemahiran sitasi dan parafrasa, faktor tekanan seperti pengurusan masa yang lemah, beban tugas yang banyak, serta keinginan untuk mendapatkan gred tinggi (Nabee, Mageto, & Pisa, 2020).

Selain itu, penulisan secara salin dan tampal juga sering dilakukan oleh pelajar. Pelajar menyatakan kurangnya ilmu tentang plagiat dalam penulisan menyebabkan mereka terjebak dengan penulisan yang tidak beretika. Oleh itu, pelajar merasakan bengkel Plagiarisme yang telah dijalankan sangat penting dijalankan untuk memberi pendedahan tentang gaya penulisan akademik yang beretika. Dapatan ini telah dipersetujui oleh (Al-Thwaib et al., 2020), (Javaeed et al., 2019) dan (Kaur et al., 2018) dengan menyatakan untuk melaksanakan penulisan bukan perkara yang mudah kerana memerlukan kejelasan idea, memfokuskan idea, meringkaskan idea yang panjang dan pembuktian yang kukuh juga perlu diadakan. Maka, pelajar diharap dapat membuat banyak bacaan, memperkemas penggunaan kata dan tatabahasa yang betul serta bijak mengungkapkan idea dan pemikiran penulis lain. Selain itu, plagiat in perlu di kawal dalam kalangan pelajar penipuan dalam penulisan dapat mencabar integrati pelajar dan institusi pengajian tinggi (Mohd Zain et al., 2021).

Dapatan kajian ini diharap dapat diteruskan dengan membuat kajian yang lebih mendalam tentang kaedah untuk menggalakkan kemahiran berfikir aras tinggi pelajar dalam membasmi gejala plagiarisme. Hasil analisis maklum balas bengkel akan memberi manfaat kepada pelajar politeknik Malaysia dalam menghasilkan penulisan. Justeru, dicadangkan agar dapatan kajian dapat

digunakan sebagai sebahagian dari pentaksiran formatif yang dapat dijalankan ke atas pelajar.

V. KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian ini mengesahkan bahawa pelajar memerlukan integrasi teori pembelajaran konstruktivisme sosial, strategi pembelajaran berasaskan projek, dan piawaian penggunaan maklumat yang terkandung dalam modul "Mudahnya Menulis". Integrasi ini adalah penting untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam menggunakan maklumat secara beretika semasa menghasilkan penulisan akademik, seperti yang disokong oleh data analisis keperluan. Proses mereka bentuk dan membangunkan modul ini telah melalui tiga peringkat utama: analisis, reka bentuk dan pembangunan, serta penilaian. Fasa analisis keperluan telah berjaya mengenal pasti bentuk dan kandungan spesifik yang perlu dimasukkan dalam modul. Seterusnya, proses reka bentuk dan pembangunan memastikan modul adalah sesuai dan mudah digunakan oleh pelajar. Pandangan daripada pakar juga telah digunakan untuk memastikan kandungan modul berkualiti tinggi dan berupaya mencapai objektif pembinaannya. Justeru, elemen kemahiran menggunakan maklumat untuk menghasilkan penulisan yang beretika dapat direalisasikan melalui aplikasi modul "Mudahnya Menulis" ini.

RUJUKAN

- Adams, K. A. & Lawrence, E. K. (2019). *Research Methods, Statistics, and Applications*. Edisi ke-2. United State of America: SAGE Publications, Inc
- Adams, P., & Adams, P. (2007). *Education 3-13 : International Journal Exploring social constructivism : theories and practicalities Exploring social constructivism : theories and practicalities*. November 2014, 37–41.
- Akpan, V. I., Igwe, U. A., Blessing, I., Mpamah, I., & Okoro, C. O. (2020). 1 2 3 4. 8(8), 49–56.
- Alghamdi, N. (2021). Social Constructivism Theory in a Sociolinguistic Classroom. *International Journal of Social Science and Human Research*, 04(02), 166–170.
- AL-Ghazo, D. A., & M. Al-Zoubi, D. S. (2018). How to Develop Writing Skill through Constructivist Design Model. *International Journal of Business and Social Science*, 9(5).
- Al-Thwaib, E., Hammo, B. H., & Yagi, S. (2020). An academic Arabic corpus for plagiarism detection: design, construction and experimentation. *International Journal of Educational Technology in Higher Education*, 17(1), 1–26.
- Ammade, S., Mahmud, M., Jabu, B., & Tahmir, S. (2020). TPACK model-based instruction in teaching writing: An analysis on TPACK literacy. *International Journal of Language Education*, 4(1), 129–140.
- Bell, S. (2010). *Project-Based Learning for the 21st Century: Skills for the Future*. The Clearing House: A Journal of Educational Strategies, Issues and Ideas, 83(2), 39–43.
- Che Noh, M. A., Mohamad, N., Abd Halim, A. H., & Abu Bakar, A. A. (2018). Pelaksanaan Kaedah Pembelajaran Berasaskan Projek dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kaedah Fiqh. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 2(2), 14–23.
- Choi, J., Lee, J. H., & Kim, B. (2019). How does learner-centered education affect teacher self-efficacy? The case of project-based learning in Korea. *Teaching and Teacher Education*, 85, 45–57.
- Coyne, J., Hollas, T., & Potter, J. P. (2016). *Jumping In: Redefining Teaching and Learning in Physical Education Through Project-Based Learning*: Column Editor: Anthony Parish. *Strategies*, 29(1), 43–46.
- Crouse, W. F., & Kasbohm, K. E. (2005). Information literacy in teacher education: A collaborative model. *Educational Forum*, 69(1), 44–52.
- Fatimah, N. (2019). Students' Needs for Academic Writing at the English Education Department. *English Language Teaching Educational Journal*, 1(3), 161.
- Forster, M. (2018). Information Literacy's role in workplace competence, 'best practice' and the ethics of professional obligation. *Information Literacy in the Workplace*, 85–96.
- Jin, J., Hwang, K. E., & Kim, I. (2020). A study on the constructivism learning method for BIM/IPD collaboration education. *Applied Sciences (Switzerland)*, 10(15).
- Kaldi, S. Filippatou, D. & Govaris, C. 2011. Project-based Learning in Primary Schools: Effects on Pupils' Learning and Studies. *Education*, 39(1), 35-47
- Miranda-Rodríguez, R. A., Luy-Montejo, C. A., Sánchez-Rueda, M. J., & Rueda-Castro, J. D. (2024). Effectiveness of intervention programs in reducing plagiarism by university students: a systematic review. *Frontiers in Education*, 9, 1357853. doi: <https://doi.org/10.3389/educ.2024.1357853>
- Mohd Zain, M. I. bin, Rahmat, N. E., Zulkarnain, M. N., & Awasthi, S. (2021). Plagiarism of Academic Writing in Malaysian Universities: A legal analysis. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 6(16), 197–202.
- Rathore, F. A., Fatima, N. E., Farooq, F., & Mansoor, S. N. (2018). Combating Scientific Misconduct: The Role of Focused Workshops in Changing Attitudes Towards Plagiarism. *Cureus*, 10(5). <https://doi.org/10.7759/cureus.2698>
- Stapa, M. A., & Mohammad, N. (2019). The Use of Addie Model for Designing Blended Learning Application at Vocational Colleges in Malaysia. *Asia-Pacific Journal of Information Technology & Multimedia*, 08(01), 49–62. <https://doi.org/10.17576/apjitm-2019-0801-05>